



Buletin

Jamadalawal 1447H/November 2025

ACIS

Makna Universiti bagi Warganya

eISSN 2600-8289



Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Madya Ts. Dr. Noorlis Ahmad

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi (Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Nasif Sidquee Pauzi

Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Sidang Pengarang:

Normaisarah binti Othma

Ahmad Mustafa bin Surdi Roslan

Muhammad An-Najmi bin Azli

Mohd Islah bin Mohd Yusof

Mashitah binti Nordin

Siti Nur Husna binti Abdul Rahman

Hisam bin Satari

Dr Husnul Rita binti Aris

Nasif Sidquee Pauzi

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke

buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-83** pada bulan November 2025 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini “**Makna Universiti bagi Warganya**”. Selain itu, bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

Isi Kandungan

Apakah Makna Universiti bagi Warganya **3**

The Muslim's Heart: Noble and Modest **5**

Penggunaan Kecerdasan Buatan Dalam Penulisan Skrip Role-Play Bagi Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UiTM Kampus Seremban **7**

Puisi: Tekun Belajar **9**

Mahasiswa: Antara Amanah dan Bebanan **10**

Kesihatan Menurut Perspektif Islam **11**

Lombok: Pulau Seribu Masjid **13**

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Apakah Makna Universiti bagi Warganya?



Oleh:

Normaisarah binti Othman

Pensyarah Akademik Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Kedatangan bulan September dan Oktober setiap tahun di Malaysia menandakan akan kemasukan beribu-ribu mahasiswa baharu ke alam universiti selepas selesai pengajian di peringkat sekolah atau pra-universiti. Namun dalam keterujaan pihak universiti menerima kehadiran anak-anak muda masuk ke universiti, terdapat segelintir masyarakat terutamanya di media sosial mula mempersoalkan hala tuju pendidikan di menara gading yang dikatakan sudah tidak relevan dan tidak menjamin masa depan yang cerah di masa hadapan. Kemudian, ditambah pula momokan mengatakan bahawa tanpa perlu masuk universiti juga seseorang mampu berjaya atau menjadi jutawan. Pemikiran begini akhirnya mencetuskan persepsi bahawa pendidikan terutamanya selepas selesai SPM tidak lagi diperlukan untuk mendapat keselesaan dan kejayaan dalam kehidupan. Kesimpulannya memberi suatu tanggapan yang negatif terhadap institusi pengajian tinggi sekaligus menjadi cabaran yang hebat kepada warga universiti bagi membugarkan kembali matlamat, fungsi dan peranan universiti dalam kehidupan masyarakat secara umum.

Sebahagian orang melihat dunia pendidikan dari perspektifgunaan atau utilitarianisme yakni meletakkan nilai yang tinggi kepada pingat, sijil, pangkat, pekerjaan, kedudukan sosial dan pengaruh. Adapun tujuan pendidikan adalah lebih luas cangkupannya berbanding yang bersifatgunaan atau material sahaja. Dalam konteks pendidikan tinggi, universiti sering dilihat sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja berperanan menyampaikan ilmu tetapi juga membentuk akhlak dan peribadi warga yang terlibat, termasuk mahasiswa, pensyarah, dan warganya. Beberapa tokoh intelektual dan sarjana Islam di Malaysia seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Syed Hussein al-Attas, Wan Mohd Nor Wan Daud dan Zaini Ujang telah mengupas makna dan fungsi universiti dengan mendalam untuk kita telusuri kepentingannya. Justeru artikel ini bertujuan untuk menghuraikan pandangan tokoh-tokoh tersebut bagi memahami makna universiti terhadap warganya.

Syed Muhammad Naquib Al Attas :

Beliau menganggap universiti sebagai sebuah institusi yang paling penting dalam kerangka sistem pendidikan kerana dari situ akan bermula *revivalisme* (kebangkitan) dan pembentukan semula pendidikan dan epistemologi. Dalam karya beliau seperti 'Islam dan Sekularisme', Al-Attas mengatakan universiti yang dikembangkan di Barat dan ditiru di seluruh dunia tidak lagi mencerminkan sifat

manusiawi. Ianya ibarat manusia tanpa keperibadian serta ketiadaan prinsip-prinsip utama yang tetap sehingga tidak terdapat tujuan dan matlamat akhir. Perkembangan yang berlaku dalam lingkungan universiti tidak dibimbing oleh suatu prinsip yang akhir dan tujuan yang jelas, kecuali oleh prinsip relatif yang mendorong mengejar ilmu tanpa henti dan tujuan yang jelas.

Tambahan lagi, Al-Attas berpendapat bahawa universiti adalah institusi paling asas dalam membentuk kerangka pendidikan masyarakat. Di peringkat kolej atau pra universiti, seseorang akan mengalami kematangan dalam corak pemikiran, pandangan hidup, dan pandangan dunia mengenai realiti dan kebenaran, yang seterusnya mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka. Jika universiti mengajarkan sesuatu yang mengandungi kesilapan, maka kesilapan itu akan tercermin pada diri graduan. Tambahan pula, graduan universiti inilah yang akan memainkan peranan langsung dalam sektor kehidupan sebenar.

Syed Hussein Al-Attas:

Syed Hussein Al-Attas lebih bersikap kritikal terhadap konsep universiti moden yang berorientasikan Barat. Dalam buku "Intelektual Masyarakat Membangun", beliau mengkritik bahawa sistem pendidikan moden yang beracuan Barat telah mencetuskan pelbagai kesan negatif terhadap pembangunan ilmu terutamanya di negara-negara membangun. Beliau menambah, negara yang masih mundur sering menganggap dasar ilmu pengetahuan dan penyelidikan sebagai isu sampingan yang kurang penting berbanding negara-negara maju yang lebih terkehadapan dalam meneroka bidang-bidang ini. Walaupun golongan ilmuwan di negara-negara mundur juga terlatih, tetapi mereka gagal memanfaatkan potensi keilmuan untuk membentuk acuan dan hala tuju pemikiran yang bebas serta berakar pada nilai dan kearifan tempatan. Akibatnya, kemunduran terus berulang apabila struktur sosial dan politik dikuasai oleh golongan pemerintah.

Syed Hussein al Attas turut menegaskan bahawa apabila penjajah Barat memperkenalkan sistem pendidikan baharu dan membentuk golongan elit yang terdidik dengan pemikiran eurosentrik, maka berlakulah pemutusan hubungan dengan tradisi intelektual turun temurun sebelum ini. Bukti pemutusan ini dapat dilihat secara jelas melalui sistem persekolahan, buku teks, dan sukatan pelajaran yang diambil daripada model Barat. Selama beberapa generasi penjajah telah menanam secara halus budaya dan *weltanschauung* mereka ke dalam jiwa kaum terpelajar sehingga menyebabkan mereka terasing daripada akar budaya dan warisan intelektual bangsa sendiri.

Justeru dalam konteks ini, universiti memainkan peranan yang penting untuk memecahkan dominasi elit dan

melahirkan pemikir yang berani, berdikari, bebas berfikir, berjiwa merdeka serta mampu memimpin masyarakat keluar dari belenggu kebergantungan intelektual dan politik kuasa luar.

Wan Mohd. Nor Wan Daud:

Wan Mohd. Nor Wan Daud menjelaskan bahawa universiti berperanan penting melahirkan manusia berpendidikan dan beradab tinggi serta tenaga kerja yang cekap dan mahir yang diperlukan oleh pelbagai sektor dan industri. Sebagai institusi tertinggi dalam hierarki pendidikan, universiti bukan hanya tempat penyampaian ilmu pengetahuan tetapi medan yang bertanggungjawab membentuk jati diri yang seimbang dari segi intelektual, moral dan spiritual. Di samping itu, peranan para ilmuwan dan penyelidik di universiti adalah melahirkan pemikiran, karya dan penyelidikan yang dapat membantu menyelesaikan masalah masyarakat dan menyumbang kepada kemajuan negara.

Justeru beliau berpandangan bahawa universiti harus diorientasikan agar falsafah ilmu, tujuan serta kandungan pendidikan tinggi berpusatkan kepada pandangan alam yang berteraskan agama, sejarah bangsa serta keperluan semasa serta masa hadapan. Segala usaha penyelidikan dan pendidikan, walaupun bersifat teknikal dan komersial, harus tidak bercanggah dengan tujuan asas melahirkan manusia terdidik, profesional, beradab tinggi dan peka terhadap tuntutannya sebagai makhluk Tuhan dan warga sebuah negara yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah besar. Beliau menambah, universiti sebagai pusat islamisasi ilmu dan peradaban. Universiti hendaklah menjadi pusat di mana ilmu-ilmu kontemporari dan tradisional harus berada dalam kerangka pandangan alam Islam supaya tidak terjadi pemisahan antara ilmu dan nilai.

Di samping itu, penyuburan budaya ilmu yang sihat di kalangan rakyat terpelajar akan menggugat dasar dan amalan yang menyalahi kebijaksanaan agama dan akal. Jika tidak, yang akan subur hanya unsur-unsur kompromi mengenai perkara yang tidak sepatutnya dikompromi. Manusia berilmu yang penakut akan menjustifikasikan kebatilan dan kefasadan dengan pelbagai alasan yang zahirnya kelihatan benar dan rasional ditambah pula dengan mainan falasi yang licik, maka sukar untuk mengenal pasti fakta yang benar dan palsu.

Zaini Ujang:

Bagi Zaini Ujang, universiti berperanan sebagai gedung ilmu dan pusat budaya ilmu yang signifikan. Universiti bukan tempat yang menyediakan resepi untuk menjadi jutawan segera, sebaliknya ia adalah institusi yang sarat dengan idealisme serta berfungsi untuk membangunkan modal insan secara menyeluruh. Kemajuan ilmu yang sebenar, menurut beliau, dapat diukur melalui kualiti jiwa, ketajaman minda, keluasan aspirasi, gaya hidup, serta kemahiran yang terbina dalam diri setiap anggota warga kampus termasuk mahasiswa. Oleh itu, bernaung di bawah universiti adalah suatu rahmat kerana di sinilah ilmu dimuliakan, dipelajari, difahami dan diamalkan.

Dari perspektif Islam, matlamat hidup manusia adalah beribadah kepada Allah SWT. Hal ini menjelaskan bahawa matlamat kehidupan manusia tidak bersifat sia-sia apatah lagi bersuka-suka atau berfoya-foya, maka dalam seluruh kehidupan ibadah perlu dijadikan matlamat. Dalam konteks menuntut ilmu, Islam tidak membenarkan matlamat 'ilmu untuk ilmu' atau 'ilmu untuk tujuan kebendaan'. Sebaliknya,

matlamat budaya ilmu, dalam konteks masyarakat Islam penegasan tentang ilmu dan sumber-sumbernya yang pelbagai, penting untuk difahami umat Islam, kerana keimanan dan ilmu pengetahuan dijelaskan menerusi wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW. Maka, usaha membina tamadun, memperkukuh masyarakat dan membangunkan negara hendaklah didasari kepada pendidikan bersepadu serta penyediaan ekosistem intelektual yang kondusif untuk memperkasa budaya ilmu sebagai tanggungjawab bersama.

Kemajuan ilmu yang sebenar dalam kalangan mahasiswa, pensyarah dan universiti adalah tidak bergantung kepada aspek pencapaian persijilan, kuantitatif dan pemaparan aspek fizikal semata-mata. Apa yang diberi lebih keutamaan ialah kemajuan ilmu yang tersurat menerusi aspek kualitatif dalam keperibadian ahli ilmu yang tercerna menerusi kualiti jiwa, kemantapan minda, kesegaran aspirasi, kelancaran berwacana sama ada secara lisan atau tulisan, keberhasilan aktiviti keilmuan, cara hidup lestari dan kemahiran profesional. Jauh lebih penting dari itu beliau membangkitkan persoalan sejauh mana tahap penghayatan budaya ilmu, kemampuan untuk mewujudkan persekitaran mesra ilmu dan kesediaan organisasi untuk menjadi ramah intelektual, apakah aktiviti keilmuan seperti membaca dan menulis menjadi amalan kepada setiap ahli sesebuah komuniti ilmu? dan apakah pemikiran dan idealisme murni yang berakarkan tawhidi terus disuburkan untuk menjadi landasan hidup yang memartabatkan kebenaran, kesejahteraan dan ketulusan.

Penutup

Tuntasnya, meskipun pandangan tokoh-tokoh ini telah berlalu beberapa dekad namun idea dan gagasan pendidikan di peringkat pengajian tinggi masih relevan untuk dicermati dan dihayati dalam konteks semasa. Dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu yang melibatkan perubahan budaya, fahaman dan ideologi yang bersifat global sekaligus memberi impak kepada warga universiti. Oleh itu perlunya ada anjakan paradigma yang bermula dari kalangan ilmuwan, pentadbir dan mahasiswa agar universiti tidak sekadar melahirkan graduan bagi memenuhi hasrat industri tetapi apa yang penting adalah medan pembentukan nilai, akal budi dan pemikiran kritis.

Universiti perlu mewujudkan persekitaran mesra dan lebih terbuka dan bersedia menerima pelbagai pandangan dan meraikan perbezaan dengan cara yang terhormat. Aktiviti intelektual seperti dialog, wacana dan perbahasan yang harmoni harus digerakkan dengan lebih serius dan proaktif. Usaha seperti ini bukan sahaja akan memperkayakan tradisi keilmuan malah berpotensi melahirkan mahasiswa yang matang, berfikiran kritis dan berupaya menjadi pemimpin masyarakat yang beretika dan berwawasan. Sebagai penutup makalah, universiti tidak seharusnya dilihat sebagai tempat untuk mencapai ilmu semata-mata dan memenuhi kehendak semasa tetapi apa yang lebih utama adalah mengamalkan ilmu yang dipelajari bagi memikul kewajipan matlamat tertinggi kejadian insan iaitu menjadi 'abid kepada Allah SWT dan Khalifah-Nya di muka bumi ini.

The Muslim's Heart: Noble and Modest



Oleh:

Ahmad Mustafa bin Surdi Roslan
Pensyarah, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Oleh:

Muhammad An-Najmi bin Azli
Pensyarah, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

A noble hadīth, narrated by ‘Abdullāh ibn ‘Umar RA, is among the Prophet’s concise and comprehensive sayings that guides the believer’s heart toward the Hereafter. It reminds us that the world is a temporary place of trial and preparation, while the Hereafter is the abode of permanence and recompense. Hence, the believer regards this life as a field of action and worship, from which he reaps the harvest of reward in the life to come. This world, by contrast, is fleeting and will inevitably come to an end sooner or later. Ibn ‘Umar reported that the Messenger of Allah SAW once took hold of his mankib; the joint of the upper arm and shoulder to draw his attention and prepare him for a weighty counsel. The Prophet SAW then said:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ غَائِرٌ سَبِيلٍ

“Be in this world as though you are a stranger or a traveller.”
(Sahih al-Bukhārī, 6416)

The Prophet’s touch signalled the importance of what he was about to say. The phrase “as though you were a stranger” (كَأَنَّكَ غَرِيبٌ) evokes an image of a person who has entered a foreign land far from home, without family or attachment. It reflects the believer’s view of this world full of chasing material wealth and normalising sin as something strange and alien. The one who is not distracted by its comforts or diversions though it may be very appealing and alluring. Such a person is free of worldly ties that deluded him from his Creator.

The Prophet SAW then added: “or a traveller (غَائِرٌ سَبِيلٍ).” This portrays an even higher level of detachment. A traveller is one who moves lightly across the earth, pausing only to gather provisions for his journey. Unlike the stranger, who may reside temporarily in a foreign land, the traveller stops only briefly and continues onward. His true destination lies far ahead, and he travels in a constant state of lightness; unburdened by possessions that would slow his progress. Interestingly enough, the Prophet SAW once described the majority of the inhabitants of paradise being those of poor people:

قُمْتُ عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ، فَكَانَ عَامَّةُ مَنْ دَخَلَهَا الْمَسَاكِينُ، وَأَصْحَابُ
الْجَدِّ مَحْبُوسُونَ

“I stood at the gate of Paradise and saw that the majority of those who entered it were the poor, while the wealthy were being held back”

(Sahih al-Bukhārī, 5196 and Sahih Muslim 2736)

The statement does not condemn wealth, for there are many righteous Companions who were wealthy; ‘Uthmān, ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Awf, Abū Bakr. Rather, it cautions against the heedlessness and arrogance that often accompany abundance. The Hadīth urges believers to cultivate humility and detachment, remembering that worldly status has no bearing on one’s standing before Allah.

It is well known that during the campaign of Battle of Tabuk, a time when the Muslim community faced extreme hardship and urgent need to finance the expedition. It was the first time the Muslims had to face the Byzantines; the very descendants of the Roman Empire. The circumstances leading to the campaign was extremely harsh for the Muslim that led it being known as the “expedition of hardship” (Ghazwat al-‘Usrah) because of the severe conditions. The Muslims had to prepare during the scorching heat of the summer, with little food and water, many were poor; even lacking in proper transportation. The Prophet called for donations to equip the army for battle.

Abu Bakar came with all of his wealth. The Prophet SAW asked him, “What have you left for your family?” He replied, “I left them Allah and His Messenger”. Abdul Rahman ibn ‘Awf gave away 200 dinars in gold to support the Prophet SAW. He used to say, “We were tested with hardship alongside the Messenger of Allah SAW, and we were patient; then we were tested with prosperity, and we were not as patient.” (Sunan Tirmidhi 2464). Ibn ‘Awf, one of the richest men in Madinah by then, recognized that ease and abundance can quietly weaken the soul as they distract from worship, breed complacency, and make one forget the fragility of life. His statement is a confession of spiritual humility; an acknowledgment that success and luxury bring subtle trials. It’s a warning that the test of comfort can be more severe than the test of suffering, because it tempts the heart away from God without pain or fear. It was Ibn ‘Awf’s way of saying, it was easier to stay true when we had nothing. But when Allah opened the world to us, the real struggle began to keep our hearts pure amidst abundance.

Though Abu Bakar al-Siddiq and ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Awf RA had immense wealth and were actively involved in trade and business, they held the world lightly in their hearts. Their hands worked, but their souls remained free

unshackled by the love of wealth or the illusion of permanence. When the Prophet SAW called for charity, they gave generously, even to the point of relinquishing all that they owned, for they saw their possessions not as treasures to hoard but as trusts to be used in service of Allah and His cause. Their striving was not for worldly gain but for eternal reward; their work in the marketplace was an act of worship, their charity an act of liberation. From their example, the believer learns that true zuhd is not idleness or neglect, but effort without attachment. To work and earn with integrity, yet to give and let go with ease, knowing that the world is but a passing station and the Hereafter the true abode.

'Abdullāh ibn 'Umar RA deeply understood the lesson the Prophet SAW taught him. He used to remind himself and others, saying: "When evening comes, do not expect to see the morning; and when morning comes, do not expect to

see the evening. Take from your health for your sickness, and from your life for your death." His words mean: do not postpone, delay acts of obedience, good deeds and your work for death may come before it. Take advantage of your health before illness prevents you, and make use of your life before death overtakes you. Gather in this temporary world what will benefit you after your passing.

Islam teaches its followers to minimize indulgence in worldly matters and not to become complacent with them. Throughout history, the very religious and pious all led simple and modest lives. Yet they became giants and are still remembered after a thousand years. May Allah SWT be pleased with them.

SERAMBI WAHYU

Dakwah Dengan Al-Quran

Kata Ibnu Hajar al-Asqalani:

والدعاء إلى الله تعالى يقع بأمور شتى، من جملتها
تعليم القرآن، وهو أشرف الجميع.

"Berdakwah kepada Allah itu berlaku dengan berbagai cara, antaranya mengajar al-Quran. Ia dianggap antara cara dakwah yang paling mulia".

-Dr. Redha-

Penggunaan Kecerdasan Buatan Dalam Penulisan Skrip Role-Play Bagi Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UiTM Kampus Seremban



Oleh:

Mohd Islah bin Mohd Yusof

Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Abstrak

Kajian ini meneliti potensi penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan skrip role-play sebagai strategi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar UiTM Kampus Seremban. AI berupaya menyediakan skrip interaktif, autentik, dan sesuai tahap pelajar, sekali gus menyokong latihan komunikasi yang lebih realistik. Reka bentuk kajian ini berbentuk kuasi-eksperimen dan tinjauan persepsi. Dapatan dijangka menunjukkan peningkatan dari segi kelancaran, kosa kata, dan penggunaan penanda wacana dalam kalangan pelajar yang menggunakan skrip AI berbanding kaedah tradisional. Kajian ini mencadangkan model pengajaran hibrid yang menggabungkan bimbingan pensyarah dan teknologi AI bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab.

Kata kunci: kecerdasan buatan, role-play, bahasa Arab, kemahiran bertutur, UiTM.

Pengenalan

Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang kompeten dalam komunikasi pelbagai bahasa. Namun, kemahiran bertutur sering menjadi cabaran utama kerana pelajar menghadapi kekangan kosa kata, struktur ayat kaku, dan kurang keyakinan diri. Kaedah tradisional yang berasaskan syarahan dan hafalan skrip kurang berkesan dalam memupuk kelancaran lisan. Seiring perkembangan teknologi pendidikan, kecerdasan buatan (AI) muncul sebagai alternatif baharu untuk menyokong pembelajaran bahasa. AI boleh menghasilkan skrip role-play autentik dan kontekstual, justeru membantu pelajar berlatih komunikasi secara lebih interaktif.

Penyataan Masalah

Pengajaran bahasa Arab di UiTM Kampus Seremban masih menekankan kaedah konvensional berteraskan buku teks. Segelintir pelajar menghadapi kesukaran menyediakan skrip role-play yang sesuai dengan tahap dan keperluan mereka. Sementara itu, pelajar pula cenderung menghafal skrip tanpa menguasai penanda wacana, kosa kata tinggi dan

strategi komunikasi berkesan. Situasi ini menjejaskan keberkesanan latihan bertutur. AI mampu menjana skrip berdasarkan tahap kecekapan pelajar, menyediakan kosa kata bertema, dan menawarkan variasi situasi. Justeru, penggunaan AI berpotensi meningkatkan motivasi, kelancaran, dan interaksi autentik tetapi dengan bimbingan pensyarah mengajar dan mengikut rubrik serta silibus yang dipelajari.

Objektif Kajian

1. Menganalisis keberkesanan penggunaan skrip role-play yang dijana AI dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar UiTM Kampus Seremban terhadap integrasi AI dalam pembelajaran bahasa.
3. Mencadangkan model PdP hibrid yang menggabungkan AI dengan bimbingan pensyarah.

Metodologi

Kajian ini menggabungkan reka bentuk kuasi-eksperimen dan kaedah tinjauan. Seramai 60 pelajar tahap asas Bahasa Arab dipilih melalui pensampelan bertujuan. Kumpulan eksperimen menggunakan skrip role-play yang dijana AI, manakala kumpulan kawalan menggunakan skrip tradisional. Instrumen kajian terdiri daripada:

1. Rubrik penilaian lisan/roleplay presentation (sebutan, intonasi, kelancaran, keyakinan dan interaksi), manakala skrip (kandungan/tatabahasa, kreativiti dan keberkesanan kerja). Elemen Bahasa yang lain sekiranya ada masih dinilai mengikut kesesuaian konteks seperti (penggunaan penanda wacana, uslub Bahasa, frasa dialog harian dan lain-lain).
2. Soal selidik skala Likert (motivasi, persepsi keberkesanan, kebolehpasaran bahan).
3. Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) untuk mendalami pengalaman pelajar.

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi (ujian-t), manakala data kualitatif dianalisis secara tematik.



Dapatan Kajian

Pelajar kumpulan eksperimen dijangka menunjukkan prestasi lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Mereka berupaya menghasilkan ayat yang lebih lancar, menggunakan kosa kata yang relevan, dan mengaplikasikan penanda wacana dalam perbualan. Persepsi pelajar terhadap AI juga dijangka positif kerana teknologi ini memudahkan pencarian idea dan menyediakan variasi situasi autentik. Walau bagaimanapun, isu keterbatasan capaian internet dan kebolehan menggunakan aplikasi AI turut dikenal pasti sebagai cabaran.

Perbincangan

Hasil kajian ini dijangka menyokong teori motivasi bahasa Gardner (1985) dan konsep task-based learning (Ellis, 2003) yang menekankan penguasaan bahasa melalui tugas bermakna. Integrasi AI dalam penulisan skrip role-play bukan sahaja meningkatkan kecekapan bertutur, malah menyemai keyakinan pelajar melalui latihan komunikasi realistik. Namun, AI tidak boleh menggantikan peranan pensyarah sepenuhnya. Pensyarah masih perlu menyediakan

scaffolding kosa kata, membimbing sebutan, dan memberi maklum balas berdasarkan rubrik. Model PdP hibrid yang dicadangkan merangkumi empat fasa: (i) penghasilan skrip oleh AI, (ii) bimbingan kosa kata dan penanda wacana, (iii) pelaksanaan role-play, dan (iv) maklum balas formatif.

Rujukan

- Bai, B., & Wang, J. (2023). Artificial intelligence in language education: Affordances and challenges. *Computer Assisted Language Learning*, 36(7), 1205–1225.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
- Dörnyei, Z. (2001). *Motivational Strategies in the Language Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ellis, R. (2003). *Task-based Language Learning and Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning*. London: Edward Arnold.
- Noels, K. A. (2003). Learning Spanish as a second language: Learners' orientations and perceptions of their teachers' communication style. *Language Learning*, 53, 97–136.
- Schunk, D. H., Pintrich, P. R., & Meece, J. L. (2014). *Motivation in Education: Theory, Research, and Practice*. Pearson Higher Ed.
- Zawacki-Richter, O., et al. (2019). Systematic review of research on artificial intelligence applications in higher education. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 16(39), 1–27.

Puisi: Tekun Belajar



Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Ilmu itu cahaya menerangi,
Datang pada hati yang sudi,
Siang dan malam jangan berhenti,
Tekun belajar kunci berdikari.

Langkah kecil jangan dipandang,
Itulah jalan menuju gemilang,
Titipkan sabar, buangkan malas,
Ilmu menuntut jiwa yang ikhlas.

Buku dibuka minda bercahaya,
Guru ditanya hati terbuka,
Hidup berkat bila berusaha,
Tiada ilmu tanpa membaca.

Wahai penuntut, janganlah gentar,
Cabaran hadir menguji sabar,
Tekunlah belajar siang dan malam,
Akhirnya berjaya, harum nama tersemat
dalam.

Mahasiswa: Antara Amanah dan Bebanan



Oleh:

Hisam bin Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

"Mahasiswa" bermaksud pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi (seperti universiti, kolej universiti, politeknik atau institusi setaraf).

PERANAN MAHASISWA

1. Penuntut Ilmu

Fokus utama adalah menimba ilmu di bidang pengajian masing-masing. Mahasiswa harus menetapkan sasaran pada peringkat awal lagi dengan niat yang betul. Ketahuilah bahwa ilmu itu dicari dengan menghadap guru, bukan mencari iaitu guru mencari murid untuk mendengar ilmunya.

Menjadi pakar dalam bidang tertentu untuk kegunaan masyarakat. Menuntut ilmu ialah untuk diamalkan. Tiada manfaat menuntut ilmu jika tiada hasrat untuk disebarikan kepada orang lain.

2. Agen Perubahan (*Agent of Change*)

Mahasiswa sering dilihat sebagai golongan yang peka dengan isu semasa. Mahasiswa harus bersedia dengan segala ilmu yang ada disekelilingnya. Pekerjaan seorang mahasiswa ialah belajar sebanyak mungkin ilmu.

Berperanan menyuarakan pandangan dan idea baru demi kebaikan masyarakat. Memberi peringatan dan nasihat serta cadangan kepada perkembangan sosio budaya dalam masyarakat.

3. Pemimpin Masa Depan

Mahasiswa dipersiapkan sebagai bakal pemimpin negara, organisasi dan komuniti. Ini kerana mahasiswa telah diberi ilmu, latihan serta ruang pengalaman dan nilai mulia sepanjang bergelar mahasiswa.

4. Penghubung Universiti dengan Masyarakat

Melalui program khidmat masyarakat, sukarelawan dan projek lapangan.

TANGGUNGJAWAB MAHASISWA

1. Akademik

Wajib menghadiri kuliah, menyiapkan tugas serta lulus peperiksaan.

Mengekalkan prestasi akademik yang baik dan mempunyai kemampuan menilai diri agar tidak berpaut kepada orang lain

2. Disiplin & Akhlak

Mempunyai kehendak yang tinggi untuk memperbaiki setiap kelemahan.

Patuh dan taat pada perintah Allah Taala. Mematuhi peraturan universiti dan undang-undang negara.

Menjaga imej diri, keluarga dan institusi.

3. Keterlibatan

Aktif dalam aktiviti kokurikulum, kelab, persatuan atau sukan bagi membina keyakinan diri. Membina jaringan sosial dan kemahiran insaniah (soft skills) serta peluang mencari pengalaman dalam pelbagai bidang

4. Sumbangan kepada masyarakat

Menyertai aktiviti kesukarelawanan, program komuniti atau gerakan sosial.

5. Pengembangan diri

Mempelajari lebih mendalam ilmu fardhu ain dan memperkukuhkan hubungan dengan Allah, manusia dan sistem serta mengasah kepimpinan, pemikiran kritis, kemahiran komunikasi, dan inovasi.

Kesimpulan

Mahasiswa bukan sekadar penuntut ilmu di universiti, tetapi juga pemikir muda, pemimpin pelapis dan agen perubahan sosial. Betapa besarnya anugerah Allah Taala kepada golongan mahasiswa ini dengan memberi ganjaran pahala dan ketinggian darjat mulia ke atas mereka. Langkah kaki mereka menuju pintu ilmu dihitung sebagai amalan yang boleh menghapuskan dosa dan anugerah ketinggian darjat di sisi Allah Taala.

Hidupnya di kelompok *fi sabilillah*, Moga mahasiswa kita sedar yang mereka sedang berjihad dan berjuang di jalan Allah, pensyarah mereka adalah pewaris para Nabi, tangan mereka yang menulis dan membuat persiapan ilmu ibarat pedang emas, suara mereka yang berubah menjadi garau menjadi saksi di hadapan Allah, kaki mereka yang melangkah dari pintu rumah seawal pagi dan pulang tatkala mentari melabuhkan tirai ibarat cahaya yang sempurna yang membantu menerangi suasana kelam di barzah mereka.

Semuanya bermula dari niat yang betul dan azam yang kuat.

Kesihatan Menurut Perspektif Islam



Oleh:

Dr Husnul Rita Binti Aris

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Kesihatan Sebagai Nikmat dan Kurniaan Allah

Kesihatan adalah antara nikmat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Al-Qur'an mengingatkan kita bahawa segala bentuk nikmat, sama ada kecil atau besar, adalah daripada Allah (Surah An-Nahl: 53). Rasulullah SAW menekankan hakikat ini melalui sabda Baginda: *"Dua nikmat yang sering manusia lalai, iaitu kesihatan dan masa lapang."* (Riwayat Bukhari).

Menurut Rahman (2018), nikmat kesihatan bukan hanya untuk dinikmati, tetapi juga amanah. Ia menguji manusia sama ada mereka menggunakan tubuh dalam ketaatan atau kelalaian. Ketika sihat, manusia perlu memperbanyak ibadah, sedangkan ketika sakit, peluang pahala datang melalui kesabaran dan doa. Oleh itu, kesihatan bukanlah semata-mata isu perubatan, tetapi juga dimensi kerohanian.

Konsep Holistik: Jasmani, Rohani, Akal dan Sosial

Islam memandang kesihatan dari sudut holistik. Menurut Ali & Zulkifli (2019), kesejahteraan insan meliputi empat komponen:

1. **Jasmani** - tubuh sihat, kuat, bebas penyakit.
2. **Rohani** - jiwa yang tenang, bebas daripada sifat mazmumah seperti hasad dengki dan syirik.
3. **Akal** - pemikiran rasional, bebas daripada pengaruh buruk dan ketagihan.
4. **Sosial** - hubungan harmoni dengan keluarga, jiran, masyarakat, dan juga alam sekitar.

Keempat-empat aspek ini saling melengkapi. Jika salah satu terganggu, kesejahteraan insan tidak lengkap. Sebagai contoh, seseorang yang sihat jasmani tetapi lemah dari segi rohani akan mudah terjebak dengan tekanan jiwa dan kehampaan hidup.

Amanah Tubuh dan Tanggungjawab Peribadi

Tubuh adalah amanah daripada Allah. Mohd Salleh (2017) menegaskan bahawa al-Qur'an dan Sunnah mengajarkan kewajipan menjaga kesihatan tubuh dengan baik. Rasulullah SAW bersabda: *"Sesungguhnya badanmu mempunyai hak ke atasmu."* (Riwayat Bukhari).

Antara cara menjaga amanah tubuh ialah:

1. Mengambil makanan halal dan seimbang.
2. Menjaga kebersihan diri dan persekitaran.
3. Mengelakkan tabiat berbahaya seperti merokok, arak dan dadah.
4. Mendapatkan rehat dan tidur yang cukup.

Prinsip ini menjadikan gaya hidup sihat sebagai sebahagian daripada ibadah harian, bukan sekadar pilihan peribadi.

Kesihatan Sebagai Ibadah dan Jalan Mendekatkan Diri

Menurut Badri (2019), manusia diciptakan untuk menjadi khalifah di bumi dan hamba Allah. Kesihatan fizikal dan mental diperlukan bagi melaksanakan peranan ini. Seorang Muslim yang sihat dapat melaksanakan ibadah seperti solat, puasa, haji, dan jihad dengan lebih sempurna. Selain itu, kesihatan juga membolehkan seseorang berkhidmat kepada masyarakat, menjaga keluarga, serta menegakkan keadilan. Kesihatan bukanlah matlamat akhir, tetapi wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Spiritualiti dan Penyembuhan

Kajian moden seperti oleh Al-Kandari & Konoshima (2017) membuktikan bahawa amalan spiritual Islam seperti doa, zikir, solat, dan tawakal memberi kesan besar kepada kesihatan mental dan fizikal. Amalan kerohanian mengurangkan tekanan, menstabilkan emosi, meningkatkan daya tahan tubuh, malah membantu pemulihan pesakit. Contohnya, pesakit yang banyak berzikir dan berdoa lebih tenang menghadapi penyakit kronik berbanding mereka yang tidak memiliki pegangan spiritual yang kuat.

Perubatan Nabi dan Integrasi Moden

Prophetic medicine (al-Tibb al-Nabawi) merangkumi panduan kesihatan daripada hadis, termasuk pemakanan sunnah seperti madu, habbatus sauda, dan kurma. Kamal (2016) menekankan bahawa ia tidak bertujuan menggantikan sains moden, sebaliknya sebagai pelengkap. Sebagai contoh, madu diiktiraf dalam kajian saintifik moden kerana sifat antibakteria dan antioksidannya, selari dengan hadis Nabi yang memuji madu sebagai ubat. Integrasi ini menunjukkan keharmonian antara tradisi Islam dan sains kontemporari.

Kesihatan Sebagai Ujian dan Rahmat

Sihat dan sakit kedua-duanya adalah ujian daripada Allah. Menurut Nasir (2020), ketika seseorang dikurniakan kesihatan, dia diuji dengan syukur. Sebaliknya, ketika sakit, dia diuji dengan sabar. Rasulullah SAW bersabda: *"Tidaklah seorang Muslim ditimpa kesakitan, melainkan Allah gugurkan dosa-dosanya seperti gugurnya daun dari pohon."* (Riwayat Bukhari & Muslim). Ini menjadikan sakit bukan sekadar musibah, tetapi juga peluang mendapat rahmat Allah dan penghapusan dosa.

Kesihatan dalam Konteks Masyarakat

Islam juga menekankan dimensi sosial kesihatan. Sanjotis (2018) menegaskan bahawa kesihatan masyarakat Islam

melibatkan adab pemakanan, penjagaan kebersihan awam, larangan mencemarkan alam, serta galakan membantu mereka yang sakit. Islam menekankan bahawa masyarakat sihat bermula daripada individu yang sihat. Sebagai contoh, kebersihan diri dalam Islam (berwuduk, mandi wajib, menjaga najis) turut menyumbang kepada kebersihan umum dan kesejahteraan masyarakat.

Kesimpulan Umum

Konsep “sihat daripada Allah” menegaskan bahawa:

1. Kesihatan ialah nikmat dan amanah daripada Allah.
2. Kesihatan bersifat holistik, meliputi jasmani, rohani, akal dan sosial.
3. Tubuh ialah amanah yang mesti dijaga kerana ia alat ibadah.
Spiritualiti Islam memberi kesan positif terhadap kesihatan.
5. Perubatan Islam melengkapi sains moden dalam usaha penyembuhan.
6. Sihat dan sakit adalah ujian untuk syukur atau sabar.
7. Kesihatan individu memberi impak kepada kesihatan masyarakat.

Ringkasnya, Islam tidak memisahkan kesihatan daripada iman. Tubuh hanyalah wadah, sedangkan roh adalah pengemudi kehidupan. Oleh itu, menjaga kesihatan sama pentingnya dengan menjaga agama, kerana tanpa tubuh yang sihat, ibadah dan peranan sebagai khalifah akan terjejas.

Rujukan:

- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Islamic Awakening and Health: Shariah Guidelines on Preserving the Body*. Cairo: Al-Azhar Press.
- Rahman, F. (2018). Health as a Trust from Allah: Ethical and Spiritual Dimensions. *Islamic Studies Review*, 12(3), 211–229.
- Ali, A., & Zulkifli, N. (2019). Islamic Concept of Holistic Health: An Analysis. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 1–10. <https://doi.org/10.24035/ijit.15.2019.001>

- Mohd Salleh, H. (2017). Kesihatan dalam Perspektif al-Qur'an dan Sunnah. *Jurnal Usuluddin*, 45(1), 67–82. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol45no1.4>
- Badri, M. (2019). The Islamic Conception of the Human Being and Its Implications for Health. *International Journal of Islamization of Knowledge*, 41(2), 55–74.
- Al-Kandari, F., & Konoshima, M. (2017). Spirituality and Coping in Muslim Patients: The Role of Religion in Health. *Journal of Advanced Nursing*, 73(2), 421–430. <https://doi.org/10.1111/jan.13129>
- Kamal, M. (2016). Prophetic Medicine and Modern Medical Practices: An Integrative Approach. *Journal of Islamic Medicine*, 2(1), 45–59.
- Nasir, M. (2020). Health and Wellness in Islamic Perspective: An Overview. *Journal of Islamic Studies*, 31(2), 123–137. <https://doi.org/10.35632/jis.v31i2.2506>
- Saniotis, A. (2018). Muslim Health Paradigms: Religion and Health in Islamic Societies. *Journal of Religion and Health*, 57(5), 1785–1796. <https://doi.org/10.1007/s10943-018-0591-7>
- Nasir, M., & Hassan, R. (2015). Religion and Health: Islamic Perspectives on the Concept of Wellness. *Asian Social Science*, 11(10), 273–280. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n10p273>

Lombok: Pulau Seribu Masjid



Oleh:

Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Penulis sering mendengar tentang keindahan Pulau Bali, Indonesia daripada pembacaan dan cerita-cerita daripada orang-orang yang pernah ke sana. Namun, dalam hati penulis tidak sedikit pun ada keinginan untuk ke sana. Ini kerana, selain daripada keindahan Pulau Bali, turut dikongsikan juga tentang suasana yang tidak “Muslim-Friendly” kerana agama penduduknya adalah Hindu dan pelancong-pelancong yang ramai datang ke Pulau Bali adalah daripada kalangan pelancong Barat.

Untuk percutian bersama keluarga pada kali ini, penulis mencari alternatif tempat yang dikatakan hampir sama dengan Pulau Bali dan penduduknya adalah beragama Islam, maka muncullah satu tempat iaitu Pulau Lombok, Indonesia. Allah menganugerahkan negara Indonesia dengan keindahan alamnya yang memiliki pelbagai bentuk muka bumi. Indonesia yang mempunyai sekitar 17500 buah pulau, merupakan negara kepulauan terbesar di dunia dari segi keluasan dan populasi penduduk.

Lombok ialah sebuah pulau di wilayah Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Ia terletak di gugusan Kepulauan Sunda Kecil, dipisahkan oleh Selat Lombok daripada Bali di barat dan Selat Alas daripada Sumbawa di timur. Bentuknya hampir bulat dengan “ekor” di barat daya Semenanjung Sekotong. Di utaranya terletak Gunung Rinjani yang berketinggian sekitar 3,726–3,727 meter, manakala tanah tinggi batu kapur kebanyakannya di bahagian Selatan pulau. Selain itu terdapat tebing pantai curam yang wujud bersama teluk-teluk yang menyebabkan wujudnya pelabuhan semula jadi. Anggaran keluasan pulau Lombok adalah sekitar 5,435 km².



Peta Lombok: Sumber Google Map.

Pulau ini meliputi empat daerah iaitu Lombok Barat, Lombok Tengah, Lombok Timur dan Lombok Utara. Pusat bandarnya adalah Kota Mataram yang menjadi pusat pentadbiran dan bangunan-bangunan kerajaan terdapat di bandar ini. Termasuk juga beberapa universiti ada di Kota Mataram antaranya Universitas Mataram, Universitas Islam Negeri Mataram dan Universitas Bumigora yang merupakan universiti swasta. Pada pertengahan 2024 dianggarkan jumlah penduduk Lombok sekitar 4.06 juta orang dengan etnik majoriti penduduk ialah kaum Sasak. Aktiviti ekonomi penduduk Lombok merangkumi sektor pertanian, perniagaan dan pelancongan.

Majoriti penduduk di Pulau Lombok beragama Islam. Malahan penduduk di Pulau Lombok sangat berbangga dengan julukan yang diberikan kepada pulau tersebut dengan nama Pulau Seribu Masjid. Gelaran ini sememangnya benar kerana apabila kita berjalan di sekitar pulau ini boleh dikatakan masjid akan ada di segenap tempat. Jarak dari masjid ke masjid sangat dekat. Ada sebahagiannya yang terletak beberapa ratus meter antara satu sama lain. Bahkan ada juga masjid yang terletak bertentangan antara satu sama lain dan kami dimaklumkan bahawa masjid yang dekat seperti ini akan bergilir untuk menunaikan solat Jumaat secara mingguan.

Penulis bertolak ke Lombok pada 13 September 2025 dengan menaiki pesawat Airasia. Penerbangan berlepas lebih kurang jam 3.00 PM waktu Malaysia. Terdapat sedikit masalah semasa group check in kerana tarikh lahir anakanda Maryam Anisah di dalam sistem tidak sama dengan maklumat di dalam pasportnya. Kami mengambil perkhidmatan dari ARBA Travel untuk percutian kali ini.

Kami selamat mendarat sekitar jam 6.00 PM. Waktu di Lombok adalah sama dengan waktu di Malaysia, namun waktu solatnya lebih awal berbanding waktu di Malaysia. Setibanya kami di lapangan terbang Zainuddin Abdul Madjid (Lapangan Terbang Antarabangsa Lombok) suasana sudah pun gelap kerana waktu maghrib adalah pada jam 6.23 PM. Nama Zainuddin Abdul Madjid merujuk kepada tokoh agama terkenal di Lombok. Beliau adalah pengasas kepada pertubuhan Nahdlatul Watan yang menjadi pertubuhan dakwah dan pendidikan Islam di Lombok. Ketibaan kami disambut oleh wakil ARBA Travel, Bapak Anang yang terus membawa kami ke Rumah Makan Nasi Balap Puyung Rinjani 2. Nasi Balap Puyung adalah salah satu hidangan tempatan yang terdiri daripada nasi putih yang dihidangkan dengan ayam yang dikisar, kacang panjang goreng, kacang soya goreng dan sambal khas Lombok.



Nasi Balap Puyung

Setelah menikmati makan malam, kami bergerak ke penginapan di Fave Hotel, yang memakan masa perjalanan lebih kurang 40 minit. Fave Hotel terletak di Kota Mataram. Tidak jauh daripada hotel ini terdapat Islamic Centre iaitu Masjid Raya Hubbul Wathan. Berhadapan Islamic Centre ini juga terdapat sebuah lagi masjid iaitu Masjid Raya At Taqwa. Penulis sempat menunaikan solat di masjid ini pada hari kedua percutian.



Masjid Raya Hubbul Wathan (Islamic Centre)

Menurut Bapak Anang, Lombok dikenali dengan Pulau Seribu Masjid. Namun banyak masjid yang rosak selepas gempa bumi melanda pada tahun 2018. Kami yang keletihan hanya berehat di penginapan memandangkan hari sudah malam, namun anak-anak saudara penulis, Nur Faqihah, Ilham Hajidah dan Aisyah Ainy keluar membeli barang keperluan selepas daftar masuk ke penginapan. Mereka membelikan sate ayam, sate daging dan beberapa makanan ringan. Turut dibeli Martabak Manis, kuih yang hampir sama dengan Apam Balik di Malaysia.



Martabak Manis

Hari kedua percutian, kami di bawa melawat ke beberapa perkampungan kebudayaan suku Sasak. Pemandu pelancong yang membawa kami, Bapak Haji Taswir, seorang yang berpewatakan ceria banyak menceritakan sejarah suku Sasak dan juga latar belakang Pulau Lombok. Beliau mempunyai banyak pengalaman bekerja di Malaysia dan Arab Saudi, kini memilih untuk kembali bekerja di tanah air sendiri.



Bapak Haji Taswir, banyak membantu kami mengambil gambar dari pelbagai sudut yang menarik

Desa Banyumulek (Perusahaan gerabah (tembikar))

Di Desa Banyumulek kami melihat proses pembuatan tembikar. Pelbagai jenis produk tembikar dihasilkan di sini. Kebanyakan produk tembikar yang dihasilkan berwarna perang, tidak seperti perusahaan tembikar di Malaysia yang menghasilkan tembikar dalam pelbagai warna. Pengunjung boleh mencuba untuk menghasilkan produk tembikar dengan bantuan pekerja di sini. Tiada bayaran yang dikenakan, tetapi terdapat tabung sumbangan untuk diberikan kepada pekerja. Barangan tembikar juga dijual untuk pengunjung bawa pulang dan akan dibungkus dengan baik supaya mudah untuk dibawa menaiki pesawat.

Desa Sukarara (Perusahaan Menenun Kain Songket) Seterusnya, kami dibawa ke Desa Sukarara untuk melihat sendiri aktiviti menenun kain songket Sasak. Pengunjung boleh mencuba untuk menenun kain di sini. Penulis kagum dengan kehalusan seni tangan wanita-wanita di sini yang bekerja mencari rezeki dengan menenun kain songket.

Proses menyiapkan sehelai kain songket tenun Sasak memakan masa tiga minggu sehingga satu bulan bergantung kepada corak tenunan. Begitu juga dengan harga kain songket tenun Sasak, bergantung kepada corak tenunan sama ada rumit atau kurang rumit.



Kain Songket Sasak yang ditenun dengan tangan



Pengunjung boleh mencuba sendiri aktiviti menenun songket



Pengunjung boleh mencuba pakaian tradisi suku Sasak

Sade Rambitan (Perkampungan Suku Sasak)

Setelah selesai lawatan kami ke Desa Sukarara, kami meneruskan lawatan ke Sade Rambitan. Sade Rambitan ialah suatu kawasan yang terdiri daripada perkampungan tradisional yang didiami oleh orang suku Sasak. Perkampungan di sini mengekalkan seni bina tradisional iaitu rumah-rumah dibina menggunakan bahan-bahan alam semulajadi seperti atap rumbia dan lantai tanah liat. Tradisi unik yang sering menjadi sebutan ramai iaitu pernikahan secara "kahwin culik" masih dilaksanakan oleh orang dari suku Sasak. Daripada penerangan yang diberikan, istilah "culik" yang dilakukan oleh seorang lelaki terhadap wanita suku Sasak ini bukanlah bermaksud culik sebenar, tetapi proses "culik" yang dilakukan sememangnya sudah diketahui oleh kedua-dua belah pihak keluarga lelaki dan wanita. Semua penduduk di Sade Rambitan ini beragama Islam dan mereka mengekalkan kehidupan sederhana yang mana unsur-unsur kemodenan tidak dibawa masuk ke sini. Penulis dimaklumkan orang suku Sasak di sini berkahwin sesama keluarga terdekat. Ini bermaksud keseluruhan perkampungan Sade Rambitan ini mempunyai pertalian kekeluargaan.



Rumah-rumah penduduk suku Sasak di Sade Rambitan

Tanjung Aan dan Bukit Merese

Selepas mengunjungi perkampungan suku Sasak, Bapak Haji Taswir membawa kami ke Tanjung Aan dan Bukit Merese. Tanjung Aan adalah pantai di Lombok yang terkenal dengan pasirnya yang berwarna putih halus dan sebahagian lagi berwarna kehitaman dengan pasir yang agak kasar. Teluk Aan menjadi tempat tumpuan bagi mereka yang minat dengan aktiviti luncur ombak (surfing). Tidak jauh dari Tanjung Aan, kami di bawa pula ke Bukit Merese. Waktu sudah petang dan Bapak Haji Taswir mencadangkan kepada kami untuk segera bergerak ke Bukit Merese untuk melihat matahari terbenam dari atas bukit.

Bukit Merese berada di daerah Lombok Tengah dan lokasinya adalah tidak jauh dari Tanjung Aan (sekitar 1.2 KM). Pemandangan dari atas bukit Merese sangat indah. Pengunjung boleh duduk di atas rumput yang tumbuh di puncak bukit sambil menikmati pemandangan lautan biru yang terbentang luas. Bukit Merese menghadap Laut Hindi. Kami menunggu sehingga matahari terbenam, walau bagaimanapun disebabkan awan yang tebal, pandangan matahari terbenam sedikit terhalang.



Pemandangan di Tanjung Aan, menghadap Lautan Hindi



Menunggu matahari terbenam di puncak bukit Merese



Anakanda Ahmad Fathy, melepaskan burung Helang di Bukit Merese



Penyu berenang-renang di sekitar kami dan pelbagai jenis ikan dapat dilihat, termasuk terumbu karang

15 September 2025

Hari ketiga berada di Lombok, penulis dan keluarga bersedia untuk ke Senggigi. Senggigi adalah kawasan perangan yang terkenal dengan pantai berpasir putih. Menurut Bapak Haji Taswir, di Senggigi banyak hotel terbiar kesan daripada Covid-19 yang menyebabkan banyak operasi hotel yang gulung tikar.

Di Senggigi, kami menyertai aktiviti "island hopping". Terdapat tiga buah pulau yang berhampiran dengan kawasan Senggigi iaitu Gili Trawangan, Gili Meno dan Gili Air. Perkataan "Gili" dalam bahasa Indonesia adalah merujuk kepada "Pulau". Gili terbesar dan paling sibuk adalah Gili Trawangan. Antara aktiviti yang dilakukan di Gili Trawangan adalah selam snorkel (snorkeling), menyelam (diving) dan berbasikal keliling pulau.

Keindahan laut di sekitar Gili Trawangan sangat menakjubkan. Penulis dapat melihat air laut yang kebiruan dan jernih. Ikan pelbagai spesies berenang-renang termasuk penyu. Bagi mereka yang belum pernah melakukan aktiviti selam snorkel, aktiviti ini patut dicuba untuk melihat sendiri keindahan di dalam laut.



Air laut yang biru boleh dilihat dari pesisir pantai Senggigi



Pemandangan pantai dalam perjalanan sebelum sampai ke Senggigi

16 September 2025

Lawatan hari keempat di Lombok diteruskan dengan destinasi ke kawasan pergunungan. Kami bergerak ke Sembalun lebih kurang jam 8.30 pagi. Di Sembalun terletak gunung Rinjani, gunung kedua tertinggi di Indonesia. Perjalanan mengambil masa lebih kurang tiga jam sepanjang 87 KM. Terdapat tasik yang terhasil akibat letusan gunung berapi. Perjalanan melalui jalan raya yang curam dan berliku apabila semakin menghampiri kaki gunung. Sepanjang perjalanan, penulis melihat tanah yang subur hasil daripada letusan gunung berapi pada zaman dahulu kala. Pemandu pelancong kami, Haji Taswir, berhenti di kawasan yang mempunyai panorama indah untuk kami bergambar.



Pemandangan sebelum sampai ke Sembalun

Bukit Selong

Setelah melalui jalan lereng bukit sekitar tiga jam, kami sampai ke Bukit Selong. Bukit Selong adalah sebuah bukit yang terletak di perkampungan Sembalun. Ia terkenal dengan sebuah tempat yang menyajikan pemandangan yang memukau pengunjungnya. Penulis dan keluarga sampai ke Bukit Selong dalam keadaan cuaca gelap yang hampir hujan. Kami hanya sempat berada di bukit ini untuk waktu yang singkat sahaja. Walaupun sekejap sahaja berada di bukit ini, tetapi pemandangannya cukup mengasyikkan dan membuat kita merasa terpesona. Pemandangan dari Bukit Selong seumpama lukisan pelukis pada sehelai kanvas. Penulis teringat sewaktu bersekolah dahulu, jika guru seni meminta kita melukis lukisan kampung dan sawah, sudah tentu pemandangan dari Bukit Selong memberikan idea yang cukup baik kepada pelukis.



Maklumat Tentang Bukit Selong di kaki bukit



Pemandangan dari atas Bukit Selong sungguh mengasyikkan seumpama melihat lukisan di kanvas. Suasana agak berkabus pada waktu ini kerana hari mula hendak hujan.

Kedai Sawah, Sembalun

Destinasi kami seterusnya adalah Kedai Sawah, Sembalun. Cuaca mula hujan pada waktu ini. Kedai Sawah adalah warung makan yang terletak di tengah-tengah sawah dan dikelilingi bukit-bukau di kaki Gunung Rinjani. Ia terkenal sebagai tempat agro-pelancongan. Pengunjung boleh memetik buah strawberi di kebun-kebun yang ada di sini dengan bayaran tertentu. Kami tidak melakukan aktiviti memetik strawberi kerana hari hujan. Suhu di sini sejuk kerana ia berada di kaki gunung. Kami meluangkan masa agak lama di sini kerana menunggu hujan berhenti dan kami menikmati makan tengahari di sini.



Pemandangan indah dari Kedai Sawah, jika hari tidak hujan bukit-bukit yang ada di sekeliling akan jelas kelihatan.



Selepas waktu hujan, bukit-bukit masih tidak kelihatan sepenuhnya kerana kabus.

17 September 2025

Air Terjun Benang Kelambu

Berlaku pertukaran jadual perjalanan (itinerary) untuk hari kelima. Hasil nasihat dan pandangan daripada Bapak Haji Taswir, semua ahli rombongan bersetuju untuk menukar destinasi yang asalnya adalah Pantai "Pink" ke Air Terjun Benang Kelambu.

Perjalanan ke air terjun Benang Kelambu dari penginapan memakan masa sekitar sejam. Suasana di air terjun ini sangat mengagumkan. Keunikan air terjun Benang Kelambu ini adalah kerana air yang mengalir adalah dari celahan batu yang kelihatan seperti tirai. Penulis melihat aliran air terjunnya seolah-olah keluar dari celahan daun yang tumbuh disekitar air terjun itu.

Untuk sampai ke air terjun ini, pengunjung perlu berjalan kaki lebih kurang 30 minit dari tempat meletak kenderaan. Walau bagaimanapun terdapat perkhidmatan "ojek" (motosikal sewa) untuk pengunjung yang ingin cepat sampai, ataupun untuk yang mempunyai masalah sakit kaki seperti penulis. Sebelum sampai ke air terjun, pengunjung perlu menuruni sekitar 130 anak tangga.

Air terjun Benang Kelambu terletak di kaki gunung Rinjani. Ia terletak dalam Kawasan Taman Nasional Gunung Rinjani. Terdapat papan tanda yang mengingatkan pengunjung agar berpakaian sopan untuk mandi di sini kerana menghormati kearifan tempatan penduduk Lombok yang beragama Islam. Walau bagaimanapun masih terdapat pengunjung yang tidak mematuhi arahan ini.



Penerangan tentang air terjun yang terbentuk pada batuan gunung berapi Rinjani



Air Terjun Benang Kelambu dan Anak tangga yang perlu dituruni untuk sampai ke Air Terjun Benang Kelambu

18 September 2025

Tibalah hari terakhir percutian kami. Kami memanjatkan kesyukuran pada Allah SWT atas kurnianya dapat melihat keindahan alam ciptaan Allah. Percutian ke Pulau Lombok, Indonesia memberikan pengalaman yang cukup berharga buat kami. Terima kasih diucapkan kepada Bapak Haji Taswir yang banyak membantu kami sekeluarga sepanjang tempoh kami berada di Lombok. Penulis memetik kata-kata yang tidak diketahui siapa menuturkannya (anonymous) untuk renungan bersama, *"Don't be afraid to spend money on travelling. Be afraid of growing old and realizing that the only place you ever went was to work."*



Bersama Bapak Anang sebelum berlepas pulang